



Sharija Che Shaari
Pensyarah Kanan Undang-undang
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Universiti Malaysia Sabah
sharija@ums.edu.my/scslaw2012@gmail.com

Siri Literasi Perundangan Pekerjaan SCS Bil 3 (2023):

SIAPAKAH PEKERJA DI BAWAH PERUNDANGAN PEKERJAAN DI MALAYSIA?

Saya dibayar gaji minimum, apakah saya dilindungi oleh undang-undang pekerjaan?

Alice



Saya merupakan pengurus pemasaran yang menerima gaji RM10K sebulan. Apakah saya dilindungi oleh undang-undang pekerjaan?

Bob



Saya seorang buruh kasar yang bergaji RM100 sehari. Apakah saya dilindungi oleh undang-undang pekerjaan?



Charlie

Saya seorang pemandu lori kontena yang bergaji RM6K sebulan. Apakah saya dilindungi oleh undang-undang pekerjaan?



Dollah

Jawapan:

1. Bagi menjawab siapakah pekerja di bawah perundangan pekerjaan di Malaysia, kita perlu tahu bahawa terdapat 3 statut yang mengawal selia mengenai terma dan syarat perkhidmatan seseorang pekerja bergantung di mana seseorang bekerja, sila rujuk Siri Literasi Perundangan Pekerjaan SCS Bil 1 (2023).
2. Dengan adanya pindaan ke atas Akta Kerja yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023, Akta Kerja 1955 terpakai kepada semua pekerja yang memasuki kontrak perkhidmatan dengan majikan. Walau bagaimana pun bagi para pekerja yang tergolong dalam kategori pertama, Jadual Pertama Akta Kerja 1955, terdapat enam (6) seksyen yang tidak terpakai bagi pekerja yang bergaji RM4,000 ke atas sebulan, iaitu:

Seksyen yang tidak terpakai bagi pekerja yang bergaji RM4,000 atau lebih sebulan	
Seksyen 60(3)	Bayaran bagi kerja pada hari rehat setrt
Seksyen 60A(3)	Bayaran bagi kerja lebihmasa pada hari kerja biasa
Seksyen 60C(2A)	Elaun bagi kerja syif
Seksyen 60D(3)	Bayaran bagi kerja pada hari cuti umum berbayar termasuk kerja lebihmasa pada hari cuti umum berbayar
Seksyen 60D(4)	jika mana-mana cuti sedemikian jatuh pada setengah hari bekerja, kadar gaji biasa yang perlu dibayar ialah satu hari bekerja penuh.
Seksyen 60J	Faedah penamatan, pemberhentian dan persaraan.

3. Bagi para pekerja yang tergolong dalam kategori kedua, Jadual Pertama Akta Kerja 1955, terdapat lima (5) jenis pekerjaan yang dilindungi oleh Akta Kerja 1955 tanpa mengira berapa jumlah gaji mereka sebulan.

DEFINISI PEKERJA:



4. Pemakaian perundangan pekerjaan bagi contoh di atas iaitu Alice, Bob, Charlie dan Dollah, bergantung sama ada mereka bekerja di Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak

	AKTA KERJA	ORDINAN BURUH SABAH	ORDINAN BURUH SARAWAK
Alice	Dilindungi bawah Kategori Pertama, Jadual Pertama Akta Kerja 1955	Dilindungi bawah Kategori Pertama, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sabah	Dilindungi bawah Kategori Pertama, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sarawak
Bob	Dilindungi bawah Kategori Pertama, Jadual Pertama Akta Kerja 1955, tertakluk kepada enam seksyen yang tidak terpakai bagi pekerja bergaji RM4K ke atas.	Tidak dilindungi oleh Ordinan Buruh Sabah kerana gajinya yang melebihi RM2,500 sebulan	Tidak dilindungi oleh Ordinan Buruh Sarawak kerana gajinya yang melebihi RM2,500 sebulan
Charlie	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Akta Kerja 1955	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sabah	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sarawak
Dollah	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Akta Kerja 1955	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sabah	Dilindungi bawah Kategori Kedua, Jadual Pertama Ordinan Buruh Sarawak

...bersambung di artikel Siri Literasi Perundangan Pekerjaan SCS bil. 4 (2023)